



Majlis Bandaraya Seberang Perai

ADUAN SUAPAN/ SOGOKAN

MBSP komited dalam mewujudkan ruang pemberitahuan maklumat yang selamat bagi aktiviti suapan / sogokan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.

Pemberitahuan maklumat adalah suatu perbuatan secara sukarela dan suci hati melaporkan apabila mendapati, mendengar, melihat, menyaksikan berlakunya aktiviti suapan / perlenggaran dasar integriti/ Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS) yang dilakukan oleh warga MBSP.

Dasar Pemberi Maklumat dilaksanakan dengan tujuan untuk:

- ▶ Menyediakan saluran untuk pihak pekerja dan orang awam untuk mendedahkan sebarang aktiviti yang mempunyai unsur suapan atau perlenggaran Dasar Integriti/ Sistem Pengurusan Anti Suapan MBSP (ABMS).
- ▶ Menyediakan kaedah supaya pendedahan dapat ditangani dengan cara yang efektif.
- ▶ Memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang ancaman / tindakbalas dan merahsiakan identiti pemberi maklumat.
- ▶ Memberi layanan secara adil kepada kedua-dua pihak (pemberi maklumat dan orang yang diadu).

Sebarang Pemberian Maklumat boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut :-

1. E-mail – whistleblower@mbsp.gov.my
2. Surat yang dialamatkan kepada :
Ketua Unit Integriti MBSP
Tingkat 14, Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.
3. Telefon ditalian :
04-5391622 – Encik Mohd Hairol bin Man
4. Secara bersemuka dengan Ketua Unit Integriti MBSP

Pemberi maklumat perlu menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Pemberi Maklumat hendaklah menyatakan butir-butir diri orang yang terlibat, jenis dakwaan, masa dan tempat kejadian serta lain-lain bukti sokongan yang berkaitan, jika ada.

Pihak Pengurusan MBSP berhak untuk menyalurkan Pemberian Maklumat yang dibuat kepada saluran aduan berkaitan yang lain jika pendedahan tersebut tidak termaktub di bawah dasar ini.



SISTEM PENGURUSAN ANTI-SUAPAN/ SOGOKAN ISO 37001:2016 (ABMS)

GARIS PANDUAN

PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH (NO GIFT POLICY) DAN ANTI-SUAPAN

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

OBJEKTIF

- ▶ Sebagai panduan kepada kakitangan MBSP yang berurusan dengan pihak luar mengenai penerimaan dan pemberian hadiah/tajaan.
- ▶ Untuk meningkatkan integriti dan ketelusan di kalangan kakitangan MBSP.

TAKRIFAN

Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998 (Para 4-PP 3/1998), takrif hadiah bolehlah diaplikasikan sebagai perkara-perkara yang berikut iaitu wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, keluarganya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi, atau lain-lain barang elektronik termasuk telefon bimbit, komputer, Smart Tag, Kad Touch n Go dan sebagainya dan tajaan iaitu sebarang sumbangan yang diterima dari pihak lain samada hubungan profesional atau tidak yang diberikan untuk menjayakan projek atau program di jabatan.

DASAR INTEGRITI

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

MBSP KOMITED UNTUK MEMASTIKAN SEMUA KAKITANGAN BERINTEGRITI DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN

UNTUK TUJUAN INI, MBSP AKAN:

- a. Memberi kesedaran dan penambahbaikan berhubung Integriti dalam MBSP.
- b. Menentukan sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan MBSP dapat menangani gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- c. Melaksanakan penguatkuasaan sistem pengesanan, punitif dan pemulihan dalam MBSP terhadap sebarang pelanggaran disiplin yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan sedia ada.
- d. Membudayakan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika dalam MBSP berdasarkan kepada dasar, perundangan, peraturan serta prosedur.
3. Menjelaskan peranan dan tanggungjawab warga MBSP dan peranan yang harus dilaksanakan oleh Jabatan.

**CEKAP,
AKAUNTABILITI,
TELUS**

MBSP Komited Untuk Menjamin Dan Mempertingkatkan Integriti Pengurusan Dan Kakitangan Mengikut Peraturan Dan Undang-Undang Yang Diguna Pakai Untuk Mengkekang Aktiviti Suapan / Sogokan Bagi Menjaga Kepentingan Kakitangan Dan Stakeholder Dalam Mencapai Visi Dan Misi MBSP.



**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan
Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**